

**KEDIDI EKOR KELABU**  
Grey-tailed Tattler

FAMILI: Scolopacidae  
NAMA SAINTIFIK: *Heteroscelus brevipes*

#### **CIRI-CIRI**

Semasa di luar musim membiak, individu dewasa menyerupai sesetengah *Tringa spp.* yang bersaiz besar tetapi bahagian atas badan berwarna kelabu manakala bahagian sisi kepala dan bahagian atas dada berwarna kelabu pudar dan tidak terdapat sebarang jalur atau bintik-bintik. Terdapat jalur pada bahagian atas kening yang berwarna putih (mengunjur ke bahagian belakang mata) manakala bahagian paruh yang lurus berwarna kekuningan pada bahagian dasarnya serta bahagian kaki yang pendek berwarna kuning. Bahagian rengkong serta keseluruhan bahagian bawah badan berwarna putih dan tidak mempunyai sebarang jalur. Semasa terbang, kelihatan warna kelabu pada bahagian atas badan dan warna hitam pada bahagian luar bahagian sayap. Semasa musim membiak, kelihatan jalur-jalur berwarna kelabu pada bahagian sisi telinga, sisi bahagian rengkong dan tengkuk manakala pada bahagian bawah sisi badan, jalur-jalur ini bertukar kepada bentuk 'V'. Bahagian bawah paruh lebih pudar.

#### **SAIZ**

Individu dewasa mempunyai saiz di antara 24-27 sm.

#### **MAKANAN**

Siput, ketam, serangga-serangga kecil dan cacing.

#### **HABITAT**

Terumbu karang, kawasan pantai yang berbatu, kawasan beting lumpur, beting pasir dan kadangkala dijumpai di kawasan kolam air masin dan kolam udang.

#### **BUNYI**

Mengeluarkan bunyi *tu-weet* atau *tu-whip* yang sayu (kadangkala berulang), selalunya ketika terbang. Semasa dalam keadaan yang terancam, ia mengeluarkan bunyi yang lebih laju *tu-wiwi, twi-wi* dan bunyi *twiwivi*.

#### **PEMBIAKAN**

Musim membiak adalah pada bulan Mei-Ogos di mana sarang dibina di kawasan tepi sungai yang berbatu. Individu betina boleh menghasilkan sehingga 4 biji telur.

#### **STATUS**

Akta 76/72, dipelihara.